

Headline	Azraei, isteri harap penyertaan kali ini berjaya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	24	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	381 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,591



## Azraei, isteri harap penyertaan kali ini berjaya

KUANTAN 15 Mei - Pasangan dari Melaka, Azraei Abdul Hak, 34, dan Sarrul Munirah Haris, 31, yang mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi peserta suami isteri pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-57 di sini berharap penyertaan mereka kali ini akan membawa kejayaan.

Apatah lagi bagi penyertaan kali ketiga sebagai suami isteri ini, mereka telah melakukan persiapan terbaik termasuk menimba ilmu dengan pakar dalam bidang pengajian al-Quran sehingga ke Kelantan.

Sarrul Munirah yang memperidengarkan bacaannya pada malam kedua hari ini berkata, minat kepada al-Quran terus memberikan semangat kepadanya dan suami untuk terus menyertai pertandingan tersebut setelah kali pertama menyertainya pada tahun 2008.

"Ini merupakan kali ketiga saya dan suami menyertai pertandingan ini dan pencapaian terbaik saya ialah menduduki tempat keempat pada pertandingan yang diadakan di Melaka.

"Kami memang saling membantu bagi memperkemas dan meman-

tapkan lagi bacaan al-Quran kami," kata ibu kepada lima anak itu kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Majlis tilawah tahun ini yang bertemakan 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' menyaksikan 30 peserta mengambil bahagian, iaitu

masing-masing 14 qari dan 14 qari-

ah serta dua johan men-

unggu.

Johan qari dan qariah akan membawa pulang wang tunai RM30,000, sebuah kereta Proton Preve 1.6 CVT Executive sumbangan Tabung Haji (TH), piala pusingan dan irungan, sijil penyertaan serta pakej ibadat haji.

Naib johan serta tempat ketiga pula masing-masing akan menerima RM20,000 dan RM10,000 bersama piala irungan, cenderamata serta sijil penyertaan.

Sementara itu, Azraei yang akan memperdengarkan bacaannya pada malam ketiga pertandingan tersebut berkata, dia dan isteri sering bergerak bersama mencari guru bagi mempelajari teknik membaca al-Quran.

"Saya dan isteri bersama anak-anak sering ke Kelantan mencari tok guru bagi belajar al-Quran, kerana minat kami sanggup berkorban.

"Lagipun keluarga saya memang keluarga orang mengaji dan ayah saya, Abdul Hak Abdul Ghani Abdullah pernah menjadi johan tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sebanyak empat kali," katanya.

'Beliau yang pernah menduduki tempat kedua pada pertandingan peringkat kebangsaan yang diadakan pada 2008 itu berkata,, sejak sebelum kahwin lagi dia dan isteri minat menyertai tilawah al-Quran.

Selain Sarrul Munirah, sembilan lagi peserta turut memperdengar bacaan pada malam kedua hari ini.

**Ini merupakan kali ketiga saya dan suami menyertai pertandingan ini dan pencapaian terbaik saya ialah menduduki tempat keempat pada pertandingan yang diadakan di Melaka**

**SARRUL MUNIRAH HARIS**  
Peserta



**AZRAEI**

Headline	Azraei, isteri harap penyertaan kali ini berjaya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	24	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	381 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,591

**INFO**

**Senarai peserta perdengar bacaan malam kedua  
Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan**



**MOHD. FAHMI  
ASRAF RAZALI**



**ROZIAH AYUP**



**ZUNAIDI@ADY  
MISDARANAI**



**NURHAFIZAH  
AHMAD TAJUDIN**



**MAIMON  
HARUN**



**SARRUL  
MUNIRAH HARIS**



**MOHD.  
KAMARUZAMAN**



**AB. AZIZ  
IBRAHIM**



**AWATIF  
ABD. MAJID**



**HANIFAZMIR  
HASSIM**